

23/09/1998

Tidak patut lepas geram di Galeri Umno

KUALA LUMPUR, Selasa - Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik, kesal dengan tindakan penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menjadikan Galeri Perjuangan Umno di sini sebagai sasaran rusuhan mereka Ahad lalu.

"Saya tidak faham mengapa mereka marah dengan galeri itu...ini rusuhan yang tak sepatutnya dibuat kerana galeri (perjuangan Umno) bukan Dr Mahathir punya," katanya di sini hari ini.

Menurutnya, galeri itu yang mempamerkan sejarah perjuangan Umno sejak penubuhannya pada 1946, adalah milik parti dan mempunyai `nilai sentimental' kepada parti itu.

Sabbaruddin, yang turut membawa wartawan melawat galeri di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, berkata hampir separuh daripada 81 bahan pameran dirosakkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Mengenai jumlah kerugian, Sabbaruddin yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, berkata ia sukar dianggarkan kerana nilai setiap bahan pameran bergantung kepada kesukaran mendapatkan penggantinya.

Ketua Pegawai Keselamatan RHB Kawal, Rabu Sahak, yang bertugas pada malam kejadian itu berkata, lebih 1,000 orang menyerbu galeri itu pada jam 7.10 malam Ahad lalu.

(END)